

SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2016
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2016 (BKK 2016)

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Sistem Saraan		
1.	Bagaimanakah BKK 2016 dilaksanakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan?	BKK 2016 dilaksanakan melalui pembayaran kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang masih berkhidmat pada 8 Jun 2016 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.
Contract of Service/ Pekerja Sambilan Harian (PSH)		
2.	Seorang pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> telah berkhidmat melalui kontrak yang pertama bermula dari 1 Februari 2016 hingga 30 April 2016. Pegawai kemudian telah dilantik semula sebagai <i>Contract of Service/ PSH</i> melalui kontrak baharu bermula pada 2 Jun 2016. Adakah beliau layak dibayar BKK 2016?	Pegawai tidak layak dibayar BKK 2016 kerana tempoh perkhidmatan dari 2 Jun 2016 hingga 8 Jun 2016 hanya tujuh (7) hari bekerja iaitu kurang daripada 30 hari berturut-turut bagi tempoh kontrak yang berkuat kuasa. Tempoh kontrak yang pertama pada 1 Februari 2016 hingga 30 April 2016 tidak boleh diambil kira memandangkan kontrak berkenaan telah terputus dengan kontrak yang berkuat kuasa.
3.	Seorang pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> telah berkhidmat melalui kontrak yang pertama bermula 1 Mac 2016 hingga 31 Mei 2016 di "Jabatan A". Pegawai kemudian telah dilantik semula sebagai <i>Contract of Service/ PSH</i> bermula dari 1 Jun 2016 di "Jabatan B". Adakah beliau layak dibayar BKK 2016?	Pegawai layak dibayar BKK 2016 tertakluk memenuhi syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. Tempoh 30 hari berturut-turut boleh diambil kira bagi kedua-dua kontrak berkenaan

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		memandangkan kedua-dua kontrak adalah bersambungan dan tidak terputus walaupun melibatkan dua (2) Jabatan yang berlainan.
4.	Adakah pegawai <i>Contract for Service</i> layak dibayar BKK 2016?	Pegawai <i>Contract for Service</i> adalah tertakluk kepada peraturan yang ditadbir oleh Kementerian Kewangan.
Pelantikan Dalam Perkhidmatan		
5.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak dibayar BKK 2016?	Pegawai layak dibayar BKK 2016 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016 walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza.
6.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak dibayar BKK 2016?	Pegawai layak dibayar BKK 2016 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016 di Perkhidmatan Awam Persekutuan
7.	Adakah pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> di Jabatan Persekutuan yang dilantik ke jawatan tetap dalam skim perkhidmatan di Perkhidmatan Awam Persekutuan layak dibayar BKK 2016?	Pegawai <i>Contract of Service/ PSH</i> berkenaan layak dibayar BKK 2016 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		<p>dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.</p> <p>Tempoh 30 hari berturut-turut mestilah bersambungan dan tidak terputus melibatkan tempoh kontrak di Jabatan Persekutuan dan tarikh lantikan secara tetap ke dalam skim perkhidmatan di Perkhidmatan Awam Persekutuan.</p>
Meletak Jawatan/ Ditamatkan Perkhidmatan		
8.	Adakah pegawai yang telah meletak jawatan/ ditamatkan perkhidmatan pada/ sebelum 8 Jun 2016 layak dibayar BKK 2016?	Pegawai tidak layak dibayar BKK 2016 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.
Hukuman Tatatertib		
9.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib (selain daripada hukuman amaran) pada 31 Oktober 2015 dan hukuman pelaksanaannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016 layak dibayar BKK 2016?	Pegawai layak dibayar BKK 2016 tertakluk memenuhi syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.
Pesara		
10.	Adakah seorang pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bersara pada/ sebelum 8 Jun 2016 dan menerima pencen layak mendapat BKK 2016?	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan berkenaan layak mendapat BKK 2016 dengan kadar RM250.00 sebagai pesara sahaja.
11.	Berapakah kadar BKK 2016 yang layak dibayar kepada pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dilantik semula dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan?	Pesara ATM yang dilantik semula ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak dibayar BKK 2016 pada kadar RM500.00 sahaja tertakluk kepada pegawai telah

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		<p>berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016 dalam lantikan baharu tersebut.</p> <p>Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.</p>